

7 Jun 2022  
**Kenyataan Media**

## **GO THE EXTRA MILE (GEM) DEKATKAN PUSPAKOM BERSAMA PELANGGAN**

**Shah Alam, 7 Jun 2022** – Setelah lebih dua tahun negara dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PUSPAKOM kini kembali aktif melaksanakan program-program berbentuk kemasyarakatan dan tanggungjawab sosial korporat. Program Hari Bersama Pelanggan *Go the Extra Mile* (GEM) yang bermula sejak Februari 2022 merupakan program jelajah PUSPAKOM ke beberapa negeri di Malaysia yang bertujuan mengeratkan lagi hubungan bersama pelanggan. Sasaran khusus adalah pemilik dan pemandu kenderaan, untuk memberi pendedahan ke arah meningkatkan kesedaran tentang keselamatan kenderaan.

Program Hari Bersama Pelanggan GEM ini juga memberikan fokus kepada taklimat berkaitan integriti, penerangan atau pencerahan berkenaan dengan janji temu dalam talian MyPUSPAKOM dan berkongsi informasi terkini berkaitan pemeriksaan kenderaan dengan pelanggan. PUSPAKOM kini dianggap sebagai pusat sehenti yang menawarkan pelbagai perkhidmatan berkaitan kenderaan untuk kemudahan pelanggan turut memperkenalkan perkhidmatan pembaharuan insurans dan cukai jalan serta perkhidmatan pemeriksaan bergerak. Pelanggan-pelanggan boleh mendapatkan informasi-informasi tersebut sepanjang program berlangsung.

Sehingga kini, PUSPAKOM telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan GEM di lapan lokasi terpilih iaitu di PUSPAKOM Johor Bahru, Senai, Shah Alam, Padang Jawa, Petaling Jaya, Kuala Terengganu dan Tapak Lawatan Pemeriksaan PUSPAKOM di Dungun dan Besut. Program GEM yang seterusnya akan diadakan seperti berikut:

<b>NO</b>	<b>TEMPAT</b>	<b>TARIKH</b>	<b>MASA</b>
1	PUSPAKOM Wangsa Maju, Kuala Lumpur	8 Jun 2022	9 pagi – 5 petang
2	PUSPAKOM Kuantan, Pahang	21 Jun 2022	9 pagi – 5 petang
3	Tapak Lawatan Pemeriksaan PUSPAKOM Jerantut, Pahang	22 Jun 2022	9 pagi – 5 petang

4	Tapak Lawatan Pemeriksaan PUSPAKOM Jempol, Negeri Sembilan	5 Julai 2022	9 pagi – 5 petang
5	Tapak Lawatan Pemeriksaan PUSPAKOM Kuala Krai, Kelantan	13 Julai 2022	9 pagi – 5 petang
6	PUSPAKOM Kota Bahru, Kelantan	14 Julai 2022	9 pagi – 5 petang
7	PUSPAKOM Alor Setar, Kedah	2 Ogos 2022	9 pagi – 5 petang
8	PUSPAKOM Mak Mandin, Pulau Pinang	3 Ogos 2022	9 pagi – 5 petang
9	R&R Perah Gerik, Perak	4 Ogos 2022	9 pagi – 5 petang
10	Tapak Lawatan Pemeriksaan PUSPAKOM Gua Musang, Kelantan	16 Ogos 2022	9 pagi – 5 petang
11	Tapak Lawatan Pemeriksaan PUSPAKOM Merapoh, Pahang	17 Ogos 2022	9 pagi – 5 petang
12	Tapak Lawatan Pemeriksaan PUSPAKOM Maran, Pahang	18 Ogos 2022	9 pagi – 5 petang

*Nota: Tertakluk kepada perubahan.*

PUSPAKOM mengalu-alukan kehadiran orang ramai ke Hari Bersama Pelanggan GEM dan sedia membantu pelanggan yang mempunyai sebarang pertanyaan atau cadangan berkaitan PUSPAKOM. Untuk info terkini, orang ramai boleh mengikuti Facebook rasmi PUSPAKOM Sdn. Bhd. atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan PUSPAKOM di talian 03-5101 7000.

#

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Leong Pei Yee**

Ketua, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan  
PUSPAKOM  
Tel: 03-2052 7465

**Mohd Izzat Intanjudin**

Eksekutif Kanan, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan  
PUSPAKOM  
Tel: 03-2052 7464

**Elly**  
Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan  
PUSPAKOM  
Tel: 03-2052 7322

### **MENGENAI PUSPAKOM**

*Puspakom Sdn Bhd (PUSPAKOM) merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan yang pertama dan satu-satunya yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan semua pemeriksaan mandatori bagi kedua-dua kenderaan komersial dan persendirian. Ditubuhkan pada tahun 1994, kami adalah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad.*

*Peranan utama kami adalah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan dalam memastikan kenderaan berada di dalam keadaan yang selamat untuk dipandu di atas jalan raya serta memastikan pemilik kenderaan mematuhi peraturan-peraturan dalam memelihara alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini akan dilakukan melalui pemeriksaan yang ketat dan teliti terhadap kenderaan untuk memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan Kerajaan.*

*Setiap tahun, PUSPAKOM menjalankan lebih daripada 3 juta pemeriksaan kenderaan. PUSPAKOM mempunyai rangkaian di seluruh negara di 54 pusat pemeriksaan yang dilengkapi peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi oleh pihak berkaitan dari semasa ke semasa. Selain itu, PUSPAKOM juga mempunyai lebih daripada 25 pemeriksaan secara lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan di luar Bandar.*

*Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM terdiri daripada Unit Bergerak Trak, Unit Bergerak Van dan Unit Bergerak Ringan, menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami bangga memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap dan tepat secara profesional.*

Gambar

